

UNIVERSITY COLLEGE BESTARI

KETERANGAN MENGENAI
MAJLIS KONVOKESYEN KE-6 UNIVERSITY COLLEGE BESTARI

1. Tarikh Majlis Konvokesyen

1.1 Majlis Konvokesyen Ke-6 University College Bestari akan diadakan sebagaimana butiran berikut:

Tarikh : 12^{hb} Oktober 2019
Hari : Sabtu
Masa : 8.00 pagi
Tempat : Pusat Konvensyen,
Taman Tamadun Islam,
Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman.

2. Kehadiran Graduan

- 2.1 Semua graduan hendaklah mematuhi arahan kehadiran yang telah ditetapkan.
2.2 Graduan TIDAK DIBENARKAN menangguhkan majlis konvokesyen atau pun MEWAKILKAN KEPADA ORANG LAIN bagi menghadiri majlis konvokesyen.
2.3 Graduan dilarang berswafoto sepanjang berada di dalam dewan semasa majlis konvokesyen berlangsung termasuk di atas pentas iaitu sebelum/selepas menerima skrol.

3. Yuran Graduan

3.1 Semua graduan, sama ada yang akan menghadiri majlis konvokesyen atau tidak adalah DIWAJIBKAN MEMBAYAR YURAN GRADUAN mengikut kadar yang telah ditetapkan:

Graduan Asasi/Diploma : RM 300.00
Graduan Sarjana Muda/Sarjana : RM 300.00

3.2 Semua graduan perlu membuat pembayaran dengan cara *bank-in* atau *online transfer* ke akaun :

Nama akaun : KOLEJ TEKNOLOGI BESTARI (CIMB Bank)
Nombor akaun : 800 669 5788
Reference : Konvokesyen 2019

- 3.3 Salinan slip bank (bukti pembayaran) tersebut mesti dikemukakan semasa urusan peminjaman jubah seperti perkara 5.
3.4 Bagi graduan yang tidak menghadiri majlis konvokesyen, yuran graduan boleh dibayar pada bila-bila masa sebelum mengambil skrol/transkrip.
3.5 Skrol/Transkrip graduan hanya akan dikeluarkan bermula **13hb Oktober 2019 (Ahad)** di Kaunter Pejabat Bendahari UC Bestari dan selepas segala yuran termasuk yuran graduan dan hutang tertunggak kepada pihak UC Bestari (jika ada) dijelaskan.

4. Kajian Pengesanan Graduan

- 4.1 Kajian ini bertujuan mendapatkan pandangan dan pengalaman graduan terhadap beberapa aspek berkaitan program pengajian, kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan semasa graduan mengikuti pengajian di UC Bestari.
- 4.2 Maklum balas graduan sangat penting bagi membawa perubahan yang membina kepada UC Bestari dan juga kepada pihak Kementerian Pendidikan Tinggi bagi meningkatkan lagi kualiti dan taraf pendidikan tinggi negara.
- 4.3 Oleh yang demikian, semua graduan **DIWAJIBKAN** mengisi soal selidik Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) bagi Majlis Konvokesyen Ke-6 University College Bestari secara atas talian (*on-line*). Sistem akan dibuka bermula pada **9 September 2019** dengan melayari laman sesawang **<http://graduan.mohe.gov.my/v/>**.
- 4.4 Graduan dikehendaki mencetak dan menyerahkan Slip Pengesahan Kajian Pengesanan Graduan kepada Jawatankuasa Graduan semasa urusan peminjaman jubah seperti perkara 5.

5. Peminjaman dan Pemulangan Pakaian Akademik

- 5.1 Semua graduan dikehendaki mengambil dan memulangkan pakaian akademik sebagaimana jadual yang dinyatakan di bawah.

TARIKH PEMINJAMAN	MASA	TEMPAT
7 – 9 ^{hb} Oktober 2019 (Isnin - Rabu)	9.30 pagi – 1.00 petang 2.00 petang – 4.30 petang	Perkarangan Pejabat Bendahari, Bangunan Akademik UC Bestari
10 ^{hb} Oktober 2019 (Khamis)	9.30 pagi – 1.00 petang 2.00 petang – 3.00 petang	
TARIKH PEMULANGAN	MASA	TEMPAT
13 – 16 ^{hb} Oktober 2019 (Ahad - Rabu)	9.30 pagi – 1.00 petang 2.00 petang – 4.30 petang	Perkarangan Pejabat Bendahari, Bangunan Akademik UC Bestari
17 ^{hb} Oktober 2019 (Khamis)	9.30 pagi – 1.00 petang 2.00 petang – 3.00 petang	

- 5.2 Kaunter peminjaman pakaian akademik **TIDAK DIBUKA** pada hari konvokesyen diadakan iaitu, 12^{hb} Oktober 2019 (Sabtu).
- 5.3 Graduan hendaklah mengemukakan **SLIP BANK (BUKTI PEMBAYARAN)** dan **SLIP PENGESAHAN KAJIAN PENGESANAN GRADUAN** semasa urusan peminjaman jubah.
- 5.4 Pihak Universiti akan mengenakan bayaran denda terhadap graduan jika pakaian akademik yang dipinjam rosak, hilang atau lewat memulangkan pakaian akademik, mengikut kadar yang telah ditetapkan.

Pakaian Akademik Rosak/Hilang : RM 400.00
Lewat Hantar : RM 5.00/hari

- 5.5 Graduan **TIDAK DIBENARKAN** meminda dan mengubahsuai mana-mana bahagian pakaian akademik yang dipinjam.

6. Pakaian Semasa Menghadiri Majlis Konvokesyen

6.1 Graduan yang menghadiri majlis konvokesyen hendaklah berpakaian seperti berikut
(*rujuk contoh pada Gambar rajah 1*):

WANITA

- a. Baju kurung atau kebaya yang sopan dan memakai pakaian akademik (jubah konvokesyen).
- b. Graduan Diploma Kejururawatan (DKJ) hendaklah MEMAKAI TUDUNG KEPALA BERWARNA MERAH JAMBU (PINK).
- c. Warna pakaian adalah bebas.
- d. Wanita Muslim DIWAJIBKAN memakai tudung kepala, dicadangkan agar menggunakan tudung kepala berwarna cerah supaya mudah disesuaikan dengan warna pakaian akademik.
- e. Bagi wanita bukan Muslim, rambut mestilah dalam keadaan rapi dan kemas.
- f. Kasut kulit berwarna HITAM dan bertutup pada bahagian hadapan dan belakang.
- g. Kasut sukan/selipar/kasut yang terbuka di bahagian hadapan atau belakang/kasut berwarna cerah atau putih adalah TIDAK DIBENARKAN.
- h. TIDAK DIBENARKAN memakai pakaian yang menutup muka/purdah.

LELAKI

- a. Baju melayu berwarna gelap atau baju kemeja, berseluar *slack* berwarna gelap dan bertali leher serta memakai pakaian akademik (jubah konvokesyen).
- b. Seluar jeans adalah TIDAK DIBENARKAN.
- c. Berstoking dan berkasut kulit berwarna HITAM yang bertutup pada bahagian hadapan dan belakang.
- d. Kasut sukan/selipar/kasut yang terbuka di bahagian hadapan atau belakang/kasut berwarna cerah atau putih adalah TIDAK DIBENARKAN.
- e. Potongan rambut perlulah pendek dan kemas.
- f. Graduan lelaki bagi program Asasi hendaklah memakai songkok berwarna hitam.

6.2 Majlis konvokesyen ini adalah satu upacara rasmi Universiti. Graduan diingatkan supaya mematuhi peraturan pakaian seperti dinyatakan di atas. Graduan yang TIDAK MEMATUHI peraturan pakaian TIDAK AKAN DIBENARKAN masuk, berarak atau naik ke pentas untuk upacara pengurniaan.

7. Kad Jemputan

- 7.1 Kad jemputan dan arahan lain hanya akan diedarkan semasa graduan/wakil graduan meminjam pakaian akademik.
- 7.2 Pihak Universiti tidak bertanggungjawab atas kehilangan kad jemputan yang telah diedarkan dan kad yang hilang tidak akan diganti.
- 7.3 Setiap graduan akan diberikan satu (1) kad jemputan untuk dua (2) orang tetamu graduan masuk ke dalam dewan bagi menghadiri majlis konvokesyen.

8. Majlis Taklimat dan Raptai Konvokesyen

8.1 Majlis Taklimat dan Raptai Konvokesyen akan diadakan seperti makluman berikut:

Tarikh : 11hb Oktober 2019 (Jumaat)
Masa : 3.30 petang
Tempat : Pusat Konvensyen,
Taman Tamadun Islam,
Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman.

8.2 Graduan dikehendaki menghadiri taklimat dan raptai ini supaya lebih memahami acara yang akan dijalankan pada majlis konvokesyen nanti.

9. Perarakan Graduan Pada Hari Konvokesyen

9.1 Perhatian kepada ibu bapa dan graduan yang menyertai majlis konvokesyen dikehendaki meletak kenderaan di tempat letak kenderaan yang disediakan.

9.2 Graduan diingatkan supaya berkumpul pada masa dan tempat yang ditetapkan.

9.3 Graduan diingatkan tidak membawa beg tangan atau barangan berharga semasa berkumpul untuk sesi perarakan graduan bagi mengelakkan sebarang kehilangan dan masalah yang timbul semasa sesi perarakan graduan.

9.4 Graduan yang lewat hadir TIDAK DIBENARKAN masuk bagi menyertai majlis konvokesyen.

9.5 Graduan perlu mematuhi semua peraturan dan arahan daripada pegawai petugas semasa majlis berlangsung.

9.6 Graduan dan tetamu graduan TIDAK DIBENARKAN meninggalkan dewan sehingga majlis selesai.

10. Peraturan Masuk Dewan Bagi Tetamu Graduan

10.1 Ibu bapa dan tetamu TIDAK DIBENARKAN membawa masuk jambangan bunga atau cenderamata ke dalam dewan kerana ia akan mengganggu kedudukan tetamu yang lain.

10.2 Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun, kamera, perakam video dan telefon bimbit TIDAK DIBENARKAN dibawa masuk ke dalam dewan semasa majlis konvokesyen berlangsung.